

**JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR**

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4  
 Tarikh : 10 April 2026

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 11/2026**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA - CERAIAN UP.5.1.1: PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C), PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN PENGIKTIRAFAN LAIN**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 2/2026 bertarikh 4 Mac 2026 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Ceraian UP.5.1.1: Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C), Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pengiktirafan Lain berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026. Pemakaian pekeling ini akan turut dipanjangkan pelaksanaannya di Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak UKM.

3. Bersama-sama ini, dilampirkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Ceraian UP.5.1.1 untuk perhatian semua warga. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab dimohon agar dapat menepati kriteria dan syarat sepertimana dalam pekeling semasa pencalonan P.P.C, APC dan pengiktirafan yang lain dibuat. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
<b>KAMPUS BANGI</b>			
1.	En. Mohd Anwar Sulong Penolong Pendaftar Kanan Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	urussetiasppu@ukm.edu.my anwars@ukm.edu.my	03-8911 8287/ 8235/8228

...2/-



**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**  
 Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar/


BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
<b>HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ UKM</b>			
1.	Puan Siti Najjehah Mohd Sukarno Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	sitinajjehah@hctm.ukm.edu.my uespjsm@hctm.ukm.edu.my	03-9145 5148/ 6237
<b>HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM</b>			
1.	Puan Nurul Idiani Azmi Bazir Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	nurulidiani@htabtar.ukm.edu.my	03-9174 8016

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU, MUTU DAN BUDI"**

Yang benar,



**HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Bendahari  
- Ketua Pustakawan  
- Penasihat Undang-Undang  
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz  
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani,  
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-2-



**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar/

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

APC merupakan satu bentuk penghargaan kepada pegawai yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun penilaian tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

## Syarat Kelayakan



## Insentif



# Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C)

P.P.C merupakan pingat bagi pegawai yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam bidang tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelawan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan negara.

## Syarat Kelayakan

- 01** Bagi pencalonan kali pertama, pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** yang melayakkan dalam perkhidmatan pada tahun prestasinya dinilai;
- 02** Pegawai yang dilantik secara **tetap** dan telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
- 03** Pegawai yang berada di gred **1 hingga gred 15** atau setaraf;
- 04** Memperoleh markah penilaian **prestasi 90% dan ke atas** pada setiap tahun bagi tiga (3) tahun terkini;
- 05** **Bebas** daripada sebarang **hukuman tatatertib** sepanjang tempoh perkhidmatan;
- 06** **Diperakukan** oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- 07** Terlibat dalam **penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi** yang mempunyai nilai tambah bagi tempoh tiga (3) tahun terkini;
- 08** Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 09** **Lulus tapisan keselamatan** Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- 10** Lulus tapisan keutuhan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI)
- 11** Memenuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

## Insentif



Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang;



Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang



Wang tunai berjumlah RM1,000.00 atau Sijil/ Skim Simpanan bernilai RM1,000.00.

